



JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

(Department of Agriculture Malaysia)

MENARA Z10

ARAS 3 & 4, JALAN ALAMANDA 2, PRESINT 1
62000 PUTRAJAYA

Tel: 603-2030 1400
Faks: 603-2691 7551
Portal Rasmi : www.doa.gov.my
E-mel: pro@doa.gov.my

Ruj. Kami : JP.KRPB.100-1/7/5 (21)
Tarikh : 3 Mac 2025

KEPADA YANG BERKENAAN

SURAT PEKELILING LEMBAGA RACUN MAKHLUK PEROSAK BILANGAN 2 TAHUN 2025

Akta Racun Makhluk Perosak 1974

STATUS PENDAFTARAN RACUN MAKHLUK PEROSAK TRICHLORFON


TUJUAN

Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada syarikat racun makhluk perosak tentang **status pendaftaran racun makhluk perosak trichlorfon** di Malaysia.

JUSTIFIKASI

1. Penilaian risiko terhadap kesihatan manusia menunjukkan bahawa perawis aktif trichlorfon boleh memberi kesan buruk yang signifikan, termasuk potensi toksik kepada pengguna dan pekerja yang terdedah secara langsung.
2. Selain itu, residu perawis aktif ini dalam hasil tanaman dikenalpasti memberi ancaman kepada keselamatan makanan, yang boleh mengakibatkan risiko kepada kesihatan pengguna melalui rantai makanan.
3. Tambahan pula, sifat toksik bahan ini telah didapati memberikan impak negatif kepada alam sekitar, termasuk pencemaran tanah dan air, serta risiko terhadap biodiversiti seperti spesies bukan sasaran.

ANDA KAMI UTAMAKAN



KEPUTUSAN

1. Mesyuarat Lembaga Racun MakhluK Perosak yang ke-91 yang telah bersidang pada 19 November 2024 memutuskan supaya **pendaftaran** bagi racun makhluK perosak **trichlorfon ditamatkan pendaftaran** di Malaysia berkuatkuasa pada **31 Julai 2025**.
2. Keputusan ini diambil berdasarkan penilaian komprehensif terhadap pelbagai faktor risiko yang berkaitan dengan penggunaan perawis aktif trichlorfon.
3. Oleh itu, larangan ini adalah langkah proaktif untuk melindungi kesihatan manusia, memastikan keselamatan makanan, dan memelihara kelestarian alam sekitar.

PELAKSANAAN

Pemberhentian Permohonan Pendaftaran Baharu dan Pendaftaran Semula Produk

1. Sehubungan itu, semua permohonan **pendaftaran baharu, pendaftaran semula** dan **permohonan yang sedang dalam proses** pendaftaran bagi racun makhluK perosak yang mengandungi perawis aktif trichlorfon akan **ditamatkan serta-merta** bermula pada tarikh surat pekeliling ini dikeluarkan.

Pemberhentian Permit Import

2. Pengimportan racun makhluK perosak trichlorfon ke dalam negara **tidak dibenarkan** bermula pada **tarikh surat pekeliling ini dikeluarkan**.

Penghabisan Stok

3. Syarikat yang masih mempunyai stok racun makhluK perosak trichlorfon diberi tempoh sehingga **31 Julai 2025** untuk **menghabiskan stok keluaran di pasaran**. Hala tuju ('roadmap') bagi pengharaman perawis aktif trichlorfon ini boleh dirujuk pada **Lampiran I**.
4. Seyogila diingatkan bahawa adalah menjadi kesalahan di bawah Akta Racun MakhluK Perosak 1974 untuk mengimport, mengilang, menjual dan mengguna racun makhluK perosak yang mengandungi perawis aktif trichlorfon selepas 31 Julai 2025.

TARIKH KUAT KUASA


Tarikh kuatkuasa Surat Pekeliling ini adalah pada **3 Mac 2025**.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MAT IESAK BIN NGATHINEE)

Setiausaha

Lembaga Racun Makhluk Perosak

s.k.:

1. Ketua Pengarah Pertanian
2. Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pengurusan dan Regulatori)
3. Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan Industri dan Pengembangan)
4. Ahli-ahli Lembaga Racun Makhluk Perosak
5. Pengarah - Pengarah Bahagian
6. Pengarah Pertanian Negeri
7. Pengarah Eksekutif, Malaysia CropLife & Public Health Association (MCPA)

SOALAN LAZIM
Frequently Asked Questions (FAQ)

SURAT PEKELILING LEMBAGA RACUN MAKHLUK PEROSAK
BILANGAN 2 TAHUN 2025
STATUS PENDAFTARAN RACUN MAKHLUK PEROSAK TRICHLORFON

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1	Apakah tujuan surat pekeliling ini?	Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada syarikat racun makhluk perosak tentang status pendaftaran racun makhluk perosak trichlorfon di Malaysia
2	Bilakah tarikh surat pekeliling ini berkuatkuasa?	Surat pekeliling ini berkuatkuasa pada 3 Mac 2025
3	Surat pekeliling ini terpakai untuk siapa?	Surat pekeliling ini terpakai untuk syarikat-syarikat yang mendaftarkan produk racun makhluk perosak trichlorfon serta pengguna yang menggunakan produk racun makhluk perosak trichlorfon
4	Bagaimanakah dengan permohonan pendaftaran baharu, pendaftaran semula dan permohonan yang sedang dalam proses pendaftaran?	Semua proses permohonan akan ditamatkan serta-merta bermula dari tarikh surat pekeliling iaitu 3 Mac 2025
5	Adakah permit import masih lagi dibenarkan bagi produk yang mengandungi perawis aktif trichlorfon?	TIDAK. Semua permohonan dan kelulusan permit import akan dihentikan serta-merta berkuatkuasa dari tarikh surat pekeliling ini dikeluarkan iaitu pada 3 Mac 2025 Permit import dengan tarikh tamat selepas 3 Mac 2025 adalah dibatalkan serta-merta
6	Apakah racun makhluk perosak alternatif bagi perawis aktif trichlorfon?	Untuk mengetahui apakah racun makhluk perosak alternatif bagi trichlorfon, sila rujuk pada Portal Sistem Maklumat Racun Makhluk Perosak (SISMARP) di pautan berikut: http://www.portal.doa.gov.my/sismarp/

31 JULAI 2025

PENGHARAMAN
TRICHLORFON;

Pengilangan
Monocrotophos
Dihentikan

LAMPIRAN 1

31 MEI 2025

Tarikh Akhir Mohon
Permit Import
Methamidophos

1 DISEMBER 2025

Pemberhentian
Pengeluaran Surat
Kebenaran Pembelian
RMP Terhadap Bagi
Monocrotophos (Guna
Ladang & Tambah Stok)

31 OGOS 2025

Pemberhentian
Permit Import
Methamidophos

3 MAC 2025

Surat
Pekeliling
dikeluarkan ;

Pemberhentian
Permit Import
Trichlorfon &
Monocrotophos

1 DISEMBER 2027

Pemberhentian
Pengeluaran Surat
Kebenaran
Pembelian RMP
Terhad Bagi
Methamidophos
(Guna Ladang &
Tambah Stok)

1 JUN 2027

Pengilangan
Methamidophos
Dihentikan

31 DISEMBER 2025

PENGHARAMAN
MONOCROTOPHOS

31 DISEMBER 2027

PENGHARAMAN
METHAMIDOPHOS

No. Rujukan Pekeliling:

- JP.KRPB.100-1/7/5 (21)
- JP.KRPB.100-1/7/5 (22)
- JP.KRPB.100-1/7/5 (23)

HALA TUJU (“ROADMAP”) PENGHARAMAN
TIGA (3) JENIS RACUN PEROSAK